



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN MEDIA

**MAJLIS AMAL SEMPENA BULAN RAMADHAN 1446H/2025M
BAHAGIAN PELABURAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Hari Selasa, 24 Ramadhan 1446H / 25 Mac 2025M

Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Amal Sempena Bulan Ramadhan 1446H / 2025M bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Madang.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir ialah kanak-kanak OKU (Orang Kelainan Upaya) yang diraikan berserta ibu bapa / penjaga mereka dari Daerah Brunei Muara berserta pegawai dan kakitangan Bahagian Pelaburan.

Aturcara majlis termasuk penyampaian tazkirah oleh Yang Mulia Ustaz Awang Muzhafar bin Haji Marsidi, Pegawai Perkembangan Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah dengan tajuk 'Amalan Bersedekah'. Manakala, penyampaian sumbangan diserahkan oleh Yang Mulia Tetamu Kehormat kepada 10 orang kanak-kanak OKU.

Yang Mulia Tetamu kehormat juga menyampaikan sumbangan waqaf kepada Ahli Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit bagi pihak Bahagian Pelaburan.

Majlis seumpama ini adalah merupakan inisiatif serta sebahagian dari *corporate social responsibility* Bahagian Pelaburan dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang mulia ini. Bahagian Pelaburan amat prihatin dan menitik beratkan konsep berkongsi rezeki serta amalan bersedekah.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia
Bahagian Pelaburan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 26 Ramadhan 1446H
27 Mac 2025M

Rujukan: KKW/P/ADM/9/1